

01 JAN 2004

SOROTAN-PELANCONGAN/I

KEMENTERIAN PELANCONGAN MAHU AGRESIF GALAK PELANCONGAN DOMESTIK
DALAM
2004

Oleh: Ahmad Tamimi Omar

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Kerajaan sekali lagi akan menggembeleng usaha untuk menggalakkan pelancongan domestik secara besar-besaran dalam 2004, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Pada masa ini kita sedang berbincang dengan pengiklan dan agensi pelancongan kita agar pelancongan domestik benar-benar boleh membantu semua industri yang terlibat dalam pelancongan," katanya dalam satu wawancara dengan Bernama.

Galakan ini, katanya, akan membantu menangkis kesan-kesan negatif yang mungkin timbul daripada ketidakstabilan seperti konflik dan kebimbangan tentang kesihatan di rantau-rantau tertentu, dan membantu dalam mempertingkatkan pendapatan hasil pelancongan.

"Pengusaha hotel tidak peduli sama ada pelanggan mereka itu orang tempatan atau asing. Asalkan bilik-bilik mereka disewa, mereka gembira," katanya, menjelaskan pentingnya pelancongan domestik.

Abdul Kadir berkata, beliau juga akan berusaha untuk memperkukuhkan industri pelancongan di kalangan negara-negara ASEAN.

"Ini akan membantu kita sebagai sebuah rantau untuk berhadapan dengan masalah di negara lain, yang boleh menjejaskan industri pelancongan kita," katanya.

Kementeriannya juga akan meneruskan usaha galakannya di luar negara, terutama di rantau Asean dan Asia Timur (Jepun, China dan Korea Selatan) serta Asia Barat, katanya.

Ia kini sedang dalam proses membuka pasaran baru di Asia Barat, iaitu di Turki, Iran, Pakistan dan Bangladesh.

"Negara-negara ini mempunyai penduduk Islam yang sangat ramai. Memanglah untuk membina pasaran ini memakan sedikit masa, mungkin dalam dua hingga tiga tahun tetapi, kita telahpun memulakan usaha yang serius," katanya.

Abdul Kadir berkata, kementeriannya akan terus memperkenalkan

Malaysia

di Eropah walaupun kosnya melaksanakannya amat tinggi di sana.

Katanya, walaupun untuk menarik pelancong Eropah memakan masa, potensi yang ada di Eropah amat besar kerana orang-orang Eropah cenderung untuk tinggal lama di negara-negara yang mereka kunjungi.

"Kekecewaan utama kita dalam usaha penggalakan di Eropah ialah syarikat penerbangan kita tidak bergerak secepat yang sepatutnya," keluhnya sambil mendakwa bahawa ini adalah disebabkan oleh masalah-masalah yang diwarisi daripada pengurusan sebelumnya.

Abdul Kadir berkata, Malaysia Airlines perlu diberikan ruang untuk berkembang dan melengkapkan usaha kementerian dalam menggalakkan pelancongan di Malaysia.

Menyebut Thailand sebagai contoh, menteri itu berkata, syarikat penerbangan nasional Thailand "membuat penerbangan ke merata pelusuk dunia dan bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand sebagai satu pasukan dengan berkongsi kos."

"Hasilnya, Thai Airways bertindak sebagai ejen kerajaan dalam menggalakkan pelancongan. Jika syarikat penerbangan nasional kita boleh bergiat cergas seperti Thai Airways atau SIA (Singapore Airlines), data pelancongan kita akan meningkat kepada lebih 15 juta. Tetapi itu sukar dicapai. Inilah kelemahan kita (sekarang)," katanya.

Bagi 2003, Abdul Kadir berkata, Malaysia mencatat pemulihan teguh ketibaan pelancong walaupun merosot tahun ini dengan ketibaan pelancong berjumlah 8.112 juta bagi tempoh di antara Januari dan Oktober 2003.

Walaupun angka ini merupakan penyusutan sebanyak 26.1 peratus berbanding 10.976 juta ketibaan bagi tempoh 10 bulan pertama tahun sebelumnya, namun ini menunjukkan pemulihan yang teguh, katanya.

Promosi yang giat oleh peserta industri berjaya mengubah arah aliran menurun yang mendadak daripada suku ketiga 2003.

"Jika tidak berlaku perang di Iraq dan tercetusnya wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dalam tempoh enam bulan pertamaf 2003, Malaysia tentunya telah mencatat angka ketibaan pelancong yang lebih tinggi," kata Abdul Kadir yang menyifatkan 2003 sebagai tahun yang teruk bagi industri pelancongan Malaysia.

Menurut Pelancongan Malaysia, jumlah ketibaan pelancong

tertinggi
dicatat dalam Januari dengan 1.070 juta manakala jumlah terendah di
catat
pada bulan April dengan 459,374. Mei menyaksikan peningkatan kepada
541,267
ketibaan pelancong manakala menjelang akhir Oktober bilangannya
bertambah
kepada 995,858.

Ditanya tentang sasaran, Abdul Kadir berkata: "Saya tak suka
cakap
tentang sasaran. Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad
meletakkan
sasaran 15 juta bagi 2003. Pada masa itu, memang munasabah
menetapkan
sasaran demikian dan saya jangka kita mungkin dapat mencapainya,"
katanya.

Pada 2002, Malaysia menerima 13.3 juta pelancong yang berkunjung
ke
sini. "Jika tidak kerana peristiwa letupan bom di Bali, kita boleh
mencapai
angka 14.5 juta pelancong (dalam 2002) dengan mudah," katanya.

Dari sudut penyewaan hotel, ia mencapai purata 55 peratus pada
2003 dan
ini dijangka meningkat kepada 60 peratus dalam 2004. Naib Presiden
Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Ivo R. Nekvapil berkata, kadar
penyewaan
seharusnya meningkat seiringan dengan jangkaan peningkatan ketibaan
pelancong dalam 2004 dan melebihi jumlah 13.9 juta yang dicapai pada
2002.

Bagi AirAsia Sdn Bhd, antara peserta utama dalam pelancongan
domestik,
2003 adalah tahun yang baik bagi syarikat penerbangan tanpa layanan
tambahan kerana semua penerbangan mereka mencapai kadar purata
tempahan
tempat duduk sebanyak 80 peratus setiap bulan, kata ketua
eksekutifnya,
Tony Fernandes.

Katanya, kadar tempahan tempat duduk yang tinggi bagi AirAsia
itu bukan
sahaja disebabkan oleh pelancongan domestik, malah juga oleh orang
ramai
yang mahu pulang ke negeri kelahiran mereka.

Menurutnya, AirAsia menikmati kadar pertumbuhan yang hebat dalam
2003,
terutama semasa Hari Raya Aidilfitri, dan laluannya yang paling
populer
ialah sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur-Langkawi.

Fernandes berkata, bilangan penumpang AirAsia akan meningkat
tahun
depan kerana syarikat penerbangan itu bercadang menggandakan jumlah
pesawatnya kepada 20 buah menjelang Jun 2004. Ini akan
mempertingkatkan

kemampuannya kepada 128 penerbangan sehari daripada 64 sekarang. --

BERNAMA

TMM SHY KY ZK